

PANDANGAN TERHADAP PERANAN DAN TINGKAHLAKU ORGANISASI BUKAN UNTUNG: BEBERAPA DASAR APLIKASI

Maisyarah Stapah@ Salleh¹

Universiti Sains Malaysia &

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

[misyarah2001@gmail.com](mailto:maisyarah2001@gmail.com)

Abdul Ghafar Ismail

Institut Penyelidikan dan Latihan Islam

Bank Pembangunan Islam

Jeddah, Arab Saudi

Bayu Taufiq Possumah²

Institut Islam Hadhari

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Secara umumnya bagi kebanyakan masyarakat, aktiviti ekonomi ialah satu hubungan antara organisasi bermotifkan keuntungan dengan pihak kerajaan. Tetapi organisasi bukan untung juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan juga pembangunan sosial. Organisasi bukan untung boleh disifatkan sebagai perantara atau pihak tengah dalam menyediakan barang dan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa melibatkan motif keuntungan dan tanpa kerentak birokrasi berbanding dengan organisasi bermotifkan keuntungan dan pihak kerajaan. Kajian ini berusaha mewujudkan perhatian kepada ekonomi keinstitusian dalam menjelaskan peranan dan kesan organisasi bukan untung terhadap ekonomi sosial terutama sekali dalam perspektif Islam.

Kata Kunci: *Organisasi bukan untung, institusi ekonomi baru, tauhid, ta’awun*

1. Pengenalan

Sebagai intipati kepada kehidupan sosial dan ekonomi manusia, kajian dan analisis ekonomi berinstitusi telah meningkat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Teori ekonomi berinstitusi adalah satu usaha menggabungkan teori institusi ke dalam ekonomi dan merangkumi pelbagai teori tentang peranan institusi dalam perniagaan dan ekonomi. Menurut Douglas North (2003) institusi adalah seperti “peraturan permainan” dalam masyarakat dan ekonomi yang mengurangkan aras ketidakpastian dan perilaku struktur dan interaksi agen-agen ekonomi.

¹ Pelajar Phd tajaan Universiti Sains Malaysia sedang menuntut dalam bidang ekonomi Islam di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²Pasca Doktoral, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

Institusi menjadi penghubung sesama manusia dan membina satu sistem insentif yang tugasnya untuk menstrukturkan interaksi di antara manusia. Interaksi di antara mereka di sini bermaksud institusi yang telah ditubuhkan dan yang membekalkan insentif dan disinsentif untuk manusia untuk bersikap dalam cara yang tertentu dan menstrukturkan aktiviti-aktiviti ekonomi, politik dan sosial. Di antara insentif tersebut adalah membantu pertukaran sesama manusia, sama ada yang bersifat politik, sosial atau ekonomi.”

Dalam zaman moden ini, institusi tidak lagi dilihat sebagai satu wadah kos atau transaksi untuk keuntungan tetapi ia juga satu keperluan dalam memenuhi utiliti sosial dan melengkapkan kehendak dalam kehidupan masyarakat atau manusia. Disebabkan isu ini, kajian ini cuba untuk memberikan satu kerangka kerja bagaimana mengaplikasikan teori institusi ekonomi dalam menjelaskan pengoperasian organisasi bukan untung, dan menghuraikan implikasi sosio-ekonominya. Badan-badan ini memberikan barang atau perkhidmatan yang tidak diberikan oleh kerajaan atau firma lain. Kewujudan organisasi bukan untung dalam pasaran adalah penting untuk memastikan semua tuntutan dan keperluan yang ada tidak akan diabaikan. Maka itu, kualiti kehidupan bermasyarakat akan lebih terjamin. Walaupun ada beberapa kajian membincangkan organisasi bukan untung namun demikian tidak banyak kajian yang membincangkan organisasi seumpamanya dalam perspektif Islam. Kajian-kajian ini cuba untuk menghubungkan nilai Islam seperti tauhid, *ukhuwwa* (persaudaraan) dan *ta’awun* (perpaduan) dengan organisasi bukan untung ini.

2. Organisasi Bukan Untung

2.1 Apakah maksud istilah ini?

Amnya, istilah “bukan untung” digunakan untuk merujuk kepada sektor ketiga, sektor bebas, sektor sukarela, sektor kebajikan, sektor sosial, sektor pengecualian, sektor amal atau badan sosial (Salamon, 2002, Morris, 2000). Kebanyakan badan bukan-kerajaan (NGOs) adalah berorientasikan bukan untung. Organisasi bukan untung kebanyakannya dikategorikan sebagai sesuatu yang formal; peribadi; bebas; tidak mengagihkan keuntungan kepada “pemilik” atau pemegang saham (kekangan pengagihan); dan melibatkan sumbangan sukarela berbentuk masa dan/atau wang dan bentuk penyertaan bebas dalam organisasi berkenaan (Salamon dan Anheier, 1997).

Estelle James dan Susan Rose-Ackermann (1986, p. 4) menghujahkan bahawa organisasi sukarela menggabungkan tiga ciri penting: 1) ia adalah sah dan strukturnya bersifat bukan bermotifkan keuntungan; (2) ia memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang “berguna secara sosial”; dan (3) ia bersifat amal-jariah, mengambil sebahagian dari dapatan mereka dari sumbangan (dengan potongan cukai).

Dalam hal ini, dari aspek apa yang berlaku kepada keuntungan yang mungkin dijana oleh institusi atau organisasi, SNA (System National Account) Bangsa-Bangsa Bersatu menegaskan bahawa organisasi bukan untung:

“Institusi-institusi bukan untung adalah sebuah entiti sah atau entiti sosial dicipta untuk tujuan menghasilkan barang dan perkhidmatan di mana dengan status mereka ini tidak membenarkan mereka menjadi dan memperoleh sumber pendapatan, keuntungan atau perolehan kewangan lain untuk pihak yang menubuhkan, mengawal atau membiayai mereka. Dari sudut amalan, kegiatan-kegiatan produktif mereka memang akan menjana

lebih atau defisit tetapi apa sahaja lebihan yang dibuat tidak boleh diperuntukkan kepada pihak dan unit institusi yang lain”³

2.2 Peranan

Bahagian ini akan menjelaskan peranan-peranan ekonomi badan-badan bukan bermotifkan keuntungan. Ia bermula dari peruntukan persediaan barang-barangan awam, peruntukan kontraktual, alat-alat dalam menyediakan subsidi dan pengguna kawalan.

Penyediaan barang awam

Organisasi bukan bermotifkan keuntungan meningkatkan akses kumpulan-kumpulan tertentu kepada barang dan perkhidmatan tertentu. Organisasi bermotifkan keuntungan dan kerajaan gagal memenuhi tuntutan terhadap barang-barangan ini. Ini kerana kebolehan manusia membayar mungkin tidak mencukupi untuk menjana keuntungan barang-barangan tertentu, seperti yang ingin dilihat oleh pihak bermotifkan keuntungan (Powell dan Steinberg, 2006). Mengikut teori “barang awam”, (Weisbrod, 1977, 1988) organisasi bukan untung muncul untuk membekalkan barang-barangan kolektif kepada kumpulan-kumpulan sosial yang mempamerkan pilihan mereka selain dari pengundi median, sementara kerajaan membekalkan barang-barangan awam yang lebih digemari pengundi median.

Dalam memperjelaskan tentang variasi saiz organisasi bukan bermotifkan keuntungan, teori dominan adalah teori kegagalan kerajaan. Elemen teras teori ini ialah kepelbagaiannya tuntutan, yang dilihat sebagai salah satu faktor sampingan yang paling utama yang mampu mempengaruhi saiz sektor bukan bermotifkan keuntungan. Teori kegagalan kerajaan membina peranan sektor bukan bermotifkan keuntungan dari sudut kepelbagaiannya tuntutan ke atas barang awam dan mempertimbangkan pihak-pihak bukan bermotifkan keuntungan ini sebagai pembekal sokongan kepada kerajaan.

Menurut Corbin (1999) ujian sebenar kegagalan kerajaan ini memerlukan kemasukan kepelbagaiannya tuntutan dan perbelanjaan kerajaan ke atas barang awam, apabila mereka membuat model saiz sektor bukan bermotifkan keuntungan. Kerajaan tidak akan membekalkan perkhidmatan kerajaan kosnya yang tinggi atau kepentingan awam yang terbatas.⁴ Jika tidak ada kehadiran konstituen yang menuntut tindak balas dari kerajaan, kerajaan tidak akan mahu bertindak. Sekumpulan kecil individu boleh membentuk satu organisasi bukan bermotifkan keuntungan untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang saling dikehendaki daripada berusaha untuk meyakinkan sekumpulan besar masyarakat supaya pihak kerajaan ingin menyediakan barang dan perkhidmatan tersebut. Terdapat juga sikap penentangan terhadap kerajaan. Rakyat memandang sinis kerajaan yang ingin mencampuri semua aspek kehidupan bermasyarakat (Weisbrod 1975).

Peruntukan Kontrak

Teori ini telah dibangunkan oleh Henry Hansmann (1980) berlandaskan premis bahawa tidak cukup orang yang menginginkan perkhidmatan atau program bagi menarik minat syarikat atau organisasi bermotifkan keuntungan menyediakan perkhidmatan sedemikian. Di samping itu, hakikat bahawa sebuah organisasi wujud tanpa motif keuntungan menanamkan nilai amanah dalam konstituen tersebut. Hansmann memulakan hujahnya dengan mengatakan bahawa penjagaan kesihatan, jagaan harian dan perkhidmatan sosial yang lain sememangnya dicirikan

³ Rujuk *System National Accounts, 2003, United Nations*

⁴ <http://learningtogeive.org/papers/paper41.html>

oleh jurang asimetri yang terdapat pada maklumat. Disebabkan penyedia servis yang tidak bermotifkan keuntungan merupakan penyedia utama bagi perkhidmatan sedemikian di Amerika Syarikat, Hansmann mengatakan bahawa ini adalah hasil langsung kebolehpercayaan yang lebih besar yang wujud terhadap organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan berbanding organisasi yang mencari keuntungan. Oleh itu, beliau menjelaskan bahawa organisasi bukan untung wujud berdasarkan kepercayaan yang wujud dalam sifatnya organisasi sebegitu, berbanding organisasi bermotifkan keuntungan.

Oleh kerana organisasi bukan untung adalah didorong oleh misinya berbanding organisasi untung, maka orang ramai lebih cenderung untuk mempercayai sebuah organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan. Kekangan yang tidak berkait soal pengagihan juga menyokong kerja mereka. Contoh bagi teori ini dapat dilihat dalam pusat jagaan harian bermotifkan keuntungan berbanding yang sebaliknya. Pelanggan bagi pusat jagaan yang tidak bermotifkan keuntungan tertarik dengan fakta bahawa wang mereka hanya boleh dilaburkan semula dalam pusat jagaan harian tersebut. Hasilnya, pusat jagaan harian yang tidak bermotifkan keuntungan tersebut akan menyediakan penjagaan harian yang lebih baik untuk anak-anak mereka (Hansmann, 1980).

Teori kegagalan kontrak Hansmann ini dijelaskan dengan lebih lanjut oleh Anheier dan Kendall (2000) yang menyebut bahawa andaian bagi teori ini ialah kewujudan amanah dalam organisasi tidak bermotifkan keuntungan adalah efisien dari sudut pandang kemasyarakatan. Pertubuhan yang tidak bermotifkan keuntungan terdorong untuk bertindak mengikut apa yang dikehendaki pengguna, yang seterusnya membayangkan bahawa kos pemantauan bagi menghalang eksloitasi yang mungkin terjadi dalam organisasi yang ingin mendapatkan keuntungan semata-mata dapat dielakkan.

Alatan yang digunakan dalam melaksanakan Subsidi

Subsidi adalah bantuan kewangan yang diterima daripada kerajaan yang diberikan kepada individu atau industri bagi menyokong projek, perniagaan atau industri. Subsidi tidak hanya terhad kepada wang tunai tetapi boleh wujud dalam pelbagai bentuk yang boleh dibezakan kepada subsidi langsung (tunai, pinjaman tanpa faedah) dan tidak langsung (pengurangan cukai, insurans, pinjaman dengan faedah rendah). Subsidi adalah salah satu daripada dasar-dasar kerajaan untuk mengembangkan ekonomi dan membantu rakyat. Oleh itu subsidi pasti bermanfaat untuk tujuan sosial kerana ia digunakan untuk mengurangkan kos dalam menghasilkan barang dan menurunkan harga yang perlu dibayar oleh pengguna supaya beban yang ditanggung oleh individu dan industri boleh dikesampingkan.

Bagi pengeluar, ia akan membolehkan mereka menjual satu atau lebih daripada produk mereka pada harga di bawah kos pengeluaran mereka (atau sekurang-kurangnya pada harga di bawah harga pasaran bebas). Kesemua subsidi kerajaan ini adalah untuk menggalakkan pengeluaran dan penggunaan barang-barang dan perkhidmatan. Dalam konteks organisasi bukan untung yang bersaing dengan organisasi bermotifkan keuntungan, masyarakat boleh mengambil manfaat daripada organisasi bukan untung untuk menyediakan pelbagai subsidi tersurat dan tersirat seperti pengecualian dari cukai persekutuan, negeri, dan cukai tempatan, kadar pos khas, pembiayaan menerusi bon yang dikecualikan cukai dan layanan istimewa di bawah sistem cukai pengangguran (Hansmann, 1987). Kesemua subsidi tersebut adalah sebahagian daripada matlamat untuk meningkatkan organisasi bukan untung ini (Fama dan Jansen, 1983).

Kawalan Pengguna

Berkait rapat dengan kawalan pengguna, terdapat teori kawalan pengguna yang dibangunkan oleh Ben-Ner (1986). Beberapa organisasi bukan untung tidak wujud sebagai tindak balas kepada kegagalan kontrak (contract failure), tetapi dibentuk dengan matlamat menyediakan kawalan pengguna ke atas firma tersebut, dari mana rakyat membeli barang dan perkhidmatan. Terdapat sekurang-kurangnya tiga keadaan mengapa pengguna mahu kawalan langsung ke atas firma-firma tersebut. Pertama, maklumat tidak simetri mengenai kuantiti dan kualiti produk terutamanya apabila firma itu mempunyai maklumat yang lebih baik tentang produk berbanding pengguna. Kedua, dalam hal kualiti produk di mana firma tersebut memilih untuk membekalkan barang berkualiti rendah di bawah penilaian kualiti pengguna. Ketiga, kawalan pengguna mungkin membawa kepada satu bentuk diskriminasi harga yang unggul, menyebabkan berlakunya agregat kebijakan yang lebih tinggi, dan akan dikawal oleh pelabur-pelabur yang mencari laba (Ben-Ner, 1986).

Ekoran daripada beberapa perspektif kewujudan organisasi bukan untung ini, kelihatan bahawa sektor yang tidak bermotifkan keuntungan adalah sektor unik dan menarik bagi mewujudkan dan melaksanakan kesan ekonomi terhadap pembangunan masyarakat. Organisasi bukan untung menyediakan pasaran dengan perkhidmatan awam yang menjana kesan positif luaran kepada masyarakat setempat; program bantuan perumahan membantu keluarga yang dalam proses peralihan mencari perumahan yang mampu dimiliki, masyarakat pemuliharaan menyediakan ruang hijau terbuka dalam bentuk taman di pusat bandar, dan hospital yang tidak bermotifkan keuntungan boleh memberikan rawatan kecemasan kepada mereka yang tidak mempunyai insurans kesihatan. Kesan-kesan luaran ini secara amnya dilihat sebagai komponen penting dalam kualiti hidup masyarakat tempatan, namun organisasi bukan untung sendiri tidak mempunyai cara untuk menghayati manfaat-manfaat ini. Organisasi bukan untung wujud di mana-mana; sektor pendidikan tinggi, majoriti hospital dan kediaman yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, organisasi berkait seni dan budaya, masyarakat pemuliharaan alam sekitar dan pelbagai organisasi perkhidmatan manusia dan sosial. Kesemua ini adalah jenis-jenis organisasi bukan untung yang menghasilkan barang dan perkhidmatan yang meningkatkan kualiti hidup anggota masyarakat. Walaupun tujuan utama organisasi bukan untung adalah untuk memberi khidmat kepada beberapa keperluan awam tanpa mengaut keuntungan, perbelanjaan yang ditanggung mereka boleh menghasilkan kesan ekonomi yang besar kepada masyarakat sekitar dalam bentuk langsung, tidak langsung dan kesan teraruh/terdorong menggalak.

2.3 Kelakuan

Dalam bahagian 2.3, akan diterangkan kewujudan organisasi bukan untung melalui teori-teori ekonomi, tetapi seperti yang telah utarakan, organisasi bukan untung sebagai sebuah organisasi juga boleh dijelaskan melalui institusi ekonomi baru . Teori-teori ini kedua-duanya saling melengkapi satu sama lain. Institusi ekonomi baru menggabungkan teori institusi-institusi; undang-undang, peraturan, adat, dan norma ke dalam ekonomi. Menurut Gerald (2007) terdapat tiga teori arus perdana dalam perspektif institusi ekonomi baru: teori hak pemilikan harta, teori kos transaksi, dan teori ejen-prinsipal. Setiap satu daripada teori-teori ini diterangkan seperti di bawah:

Teori Hak Pemilikan harta

Teori ini tertumpu kepada perspektif nilai yang mempertahankan bahawa di samping nilai barang, nilai pemilikan harta juga dianggap sebagai hak untuk menggunakan (*usus*), hak untuk mengubah (*abusus*), hak untuk membuat keuntungan atau kerugian (*usus fructus*) dan hak untuk memindahkannya. Dari segi hak pemilikan harta dalam sebuah organisasi bukan untung, hak pemilikan hartanya tidak termasuk hak untuk memiliki baki pendapatan (*residual earning*) kepada pihak-pihak yang terlibat organisasi bukan untung juga tidak mempunyai pemilik persendirian dan tidak menerbitkan saham atau membayar dividen. Organisasi bukan untung biasanya menerima sumber mereka untuk membiayai aktiviti melalui sumbangan awam dan swasta. Biasanya, penderma kewangan, penerima perkhidmatan, atau sukarelawan boleh menjadi pemegang amanah utama.

Setelah ditubuhkan, organisasi bukan untung merupakan entiti undang-undang yang berasingan daripada penubuhnya, pengarah, pegawai, dan pekerja-pekerjanya. Organisasi bukan untung memiliki semua aset perniagaan dan berhak untuk menerima semua keuntungan daripada operasinya. Kebanyakan organisasi bukan untung diuruskan oleh lembaga pengarah; ada yang diuruskan oleh ahli-ahli yang berhak mengundi. Apabila organisasi bukan untung memulakan operasi, ahli-ahli lembaga pengarah, bersama-sama pengasasnya, boleh melaksanakan kebanyakan tugas-tugas organisasi. Apabila organisasi bukan untung berkembang, lembaga boleh mula menggaji kakitangan untuk membangunkan dan memimpin program utama semasa lembaga dan/atau ahli yang layak mengundi terus menyelia organisasi tersebut. Bagi organisasi bermotifkan keuntungan, ia boleh dimiliki secara peribadi dan boleh mengagihkan pendapatan kepada kakitangan atau pemegang saham. Syarikat cenderung untuk mempunyai liabiliti terhad, dimiliki oleh pemegang saham yang boleh memindahkan saham mereka kepada orang lain, dan dikawal oleh lembaga pengarah yang biasanya dipilih atau dilantik oleh pemegang saham.

Pemindahan dan pertukaran hak pemilikan harta antara pihak-pihak yang terlibat akan mewujudkan satu kos yang dipanggil kos urus niaga. Oleh itu, menurut teori ini, struktur ekonomi terbentuk daripada keseimbangan antara pengagihan hak pemilikan harta dan kos transaksi dan kesan luaran yang ditanggung. Menurut perspektif ini, terdapat kecenderungan untuk membentuk peruntukan hak pemilikan harta⁵ yang efisien dalam sempadan institusi tertentu (Geraldi 2007) secara automatik. Hubungan antara kos transaksi dan hak pemilikan harta diringkaskan dalam 'The Coase Teorem', yang didefinisikan sebagai kiranya tiada kos transaksi, peruntukan sumber adalah bebas daripada pengagihan hak pemilikan harta.


Kos Transaksi

Kos transaksi wujud dalam pasaran apabila proses pemindahan dan pertukaran harta berlaku. Kenyataan yang menghubungkan kos dan harta ini disokong oleh Demsetz (1964) yang mengatakan bahawa kos transaksi adalah kos yang berkaitan dengan pemindahan hak pemilikan harta. Apabila pihak-pihak ingin bertukar harta, mereka harus berunding, menilai, mendapatkan nasihat dari pakar runding dan mengupah peguam. Pada asasnya, kos urus niaga boleh wujud dalam salah satu daripada dua bentuk, input sumber tersebut atau perbezaan antara harga belian dan harga jualan komoditi (Stavins,1995).

Kos transaksi boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor. Menurut Coase (2000), kos transaksi bergantung kepada negara di mana institusi tersebut beroperasi yang mungkin berbeza

⁵ Picot at. al., 2005, pp. 48

dari segi sistem yang diamalkan, iklim politik dan sistem undang-undang dan sosio-budaya. Dalam hal ini, organisasi bukan untung mempunyai kelebihan berbanding organisasi bermotifkan keuntungan. Apabila ianya lebih dipercayai, organisasi bukan untung mempunyai kuasa untuk mengurangkan kos untuk mencari, memproses, dan menyampaikan maklumat. Williamson (1975) seperti mana dipetik Geraldi (2007) telah membangunkan satu rangka kerja bagi kos transaksi seperti berikut:



Dalam membuat keputusan, di samping mempunyai maklumat yang tidak lengkap pihak-pihak ini dibatasi oleh rasional yang terbatas (*bounded rationality*). Seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas, Geraldi (2007) menjelaskan bahawa batasan rasional sepertimana disebut Simon (1957) merujuk kepada rasional manusia yang terhad, disebabkan kekurangan maklumat yang relevan, kapasiti otak manusia yang terhad untuk menyimpan dan memproses maklumat, dan disebabkan salah faham⁶ yang sukar diatasi. Opportunisma (*opportunism*) merujuk kepada kelakuan oportunistis ejen dalam usaha untuk memaksimumkan utiliti individu. Akibat daripada opportunisme dan batasan rasional bertambah teruk dalam keadaan yang jarang-jarang berlaku, kompleks dan tidak menentu. Ketidakpastian dan Kerumitan (*uncertainty /complexity*): Akibat utama di sini ialah pemprosesan maklumat yang tidak simetri dan tidak lengkap. Nombor kecil (*small numbers*): merujuk kepada kekhususan aktiviti ini. Konsep ini juga dikaitkan dengan kekerapan transaksi dan makna strategiknya.

Membandingkan kos transaksi ini dalam organisasi bukan untung, Krashinsky (1986) sebagaimana dipetik oleh Valentinov (2007) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis kos transaksi yang relevan dalam operasi ekonomi: 1) kos antara sesama pengeluar 2) kos antara pengeluar dan pengguna 3) kos antara sesama pengguna.

Kos antara sesama pengeluar boleh dikurangkan melalui integrasi menegak (penggabungan pengeluaran dan/atau pengedaran supaya syarikat mampu mendapat kawalan ke atas pembekal atau pengedar). Dua jenis kos urus niaga lagi sebaiknya dikurangkan dengan mempunyai institusi yang mempunyai kos perekonomian berbeza, yang dapat dilihat dalam organisasi tidak berorientasikan keuntungan. Kos transaksi wujud dalam kedua-dua organisasi; organisasi bermotifkan keuntungan mahupun tidak kerana kewujudan barang amanah. Perbezaannya ialah penyediaan barang amanah bagi organisasi bermotifkan keuntungan berhadapan masalah kerana organisasi ini mempunyai insentif untuk menurunkan kualiti/kuantiti

⁶ Picot et. al (1999), pp. 58.

barang dalam mana-mana paras harga, dan kemudian memperuntukkan keuntungan yang patut diperoleh. Sebaliknya, penyediaan barang-barang amanah oleh organisasi bukan untung membolehkan kos sedemikian dapat dielakkan, kerana organisasi bukan untung tidak boleh mengagihkan pendapatan mereka kepada pelanggan atau ahli. Tiada insentif untuk menipu pengguna, oleh itu, dalam hal ini, kita boleh mengatakan bahawa organisasi bukan untung lebih boleh dipercayai berbanding organisasi bermotifkan keuntungan. Organisasi bukan untung tidak akan menurunkan kualiti dan mengenakan caj barang berkualiti (Prakash dan Gugerty, 2010).

Hubungan Ejen-Prinsipal

Hubungan ejen-prinsipal berlaku apabila satu atau lebih orang (prinsipal) mengupah orang lain (ejen) untuk melakukan tugas bagi pihak mereka yang melibatkan mewakilkan kuasa untuk membuat keputusan kepada ejen (Jensen dan Meckling, 1976: 5). Dalam hubungan ini, boleh dikatakan bahawa ejen akan mempunyai kelebihan berbanding prinsipal dari segi maklumat yang tersedia kepadanya dan apa-apa tindakan yang perlu diambilnya. Ini disebabkan prinsipal tidak dapat memerhatikan rundingan dan aktiviti yang dilakukan oleh ejen tersebut. Aktiviti yang tidak dapat disaksikan prinsipal ini membawa kepada masalah tindakan yang tersembunyi (*hidden action problem*) di mana akhirnya ia akan menjana konflik kepentingan (*conflict of interest*) antara ejen dan prinsipal. Inilah yang dipanggil masalah agensi kerana kedua-dua pihak berusaha untuk memperoleh keuntungan maksimum. Prinsipal dalam organisasi bukan untung secara umumnya adalah pelanggan, penderma, lembaga pengarah, dan kontraktor atau agensi-agensi kerajaan (Bogart, 1995).

Pada dasarnya isu yang dibincangkan dalam teori agensi adalah prinsipal dan ejen mempunyai sikap yang berbeza terhadap risiko dan mungkin menyebabkan berlakunya pilihan yang berbeza dalam mengambil tindakan disebabkan faktor pemilihan risiko (Eisenhardt, 1989). Adalah sukar untuk mengawal pengurus organisasi bukan untung melalui aspek pemilikan atas faktor kekangan pengagihan (*nondistribution constraint*) di dalamnya (Hansmann 1986) yang memustahilkkan organisasi bukan untung untuk mengawal pengurus mereka melalui pemilikan (Steinberg, 1990).

Punca kegagalan sesuatu agensi adalah kerana faktor masalah maklumat. Di dalam organisasi bukan untung faktor kekurangan sumber dana oleh penderma dan kepakaran yang dipunyai menyukarkan aktiviti untuk memantau ejen. Tambahan pula, di sesetengah negara tertentu, organisasi bukan untung tidak disyaratkan untuk mendedahkan maklumat kewangan mereka (Prakash dan Gugerty, 2010). Berlawanan dengan organisasi bermotifkan keuntungan, organisasi bukan untung tidak mempunyai pemegang saham yang mengharapkan pulangan yang tinggi daripada pelaburan mereka dan kebanyakannya tidak mempunyai insentif kewangan untuk mengawal ejen-ejen mereka.

3. Rangka Kerja Asas dan Kelakuan Organisasi Bukan Untung dalam Islam

Untuk mengetahui bagaimana pandangan Islam terhadap organisasi bukan untung, wajar dimulakan dengan beberapa rangka kerja asas di mana boleh dikesan teori organisasi bukan untung di dalamnya. Rangka kerja asas ini digambarkan sebagai berikut:

Pandangan Hidup Tauhid Dalam Kehidupan Manusia Sebagai Motivasi

Tauhid membawa maksud mengesakan Allah tanpa menyamakanNya dengan tuhan yang lain. Ini adalah satu prinsip asas kepada kehidupan manusia yang mana setiap manusia itu perlu berikrar dengan hati, menyatakan dengan lidah dan membuktikan dengan perbuatan. Konsep tauhid ini adalah luas dan ianya diaplikasikan dalam apa juga aktiviti dalam kehidupan manusia. Konsep tauhid ini tidak terhad kepada hubungan dengan Pencipta tetapi juga dengan sesama manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Melalui tauhid maka kehidupan manusia akan menjadi lebih baik dan seimbang malah menjadikan manusia berkasih sayang sesama manusia.

Tauhid kepada harta kekayaan pula adalah manusia sedar bahawa segala harta kekayaan yang mereka peroleh itu adalah rezeki dari Allah. Oleh yang demikian sifat-sifat tercela seperti bersifat tamak, membangga diri dan menindas orang lain tidak harus terjadi. Sesuai dengan tugas manusia yang telah dilahirkan sebagai *khalifah* di muka bumi ini maka segala aktiviti ekonomi mestilah dijalankan dengan penuh tanggungjawab untuk memakmurkan bumi ini seperti bersifat adil. Manusia adalah pelaku ekonomi yang sama-sama terlibat dalam kelangsungan transaksi yang sama-sama berinteraksi antara satu sama lain, maka aktiviti ekonomi haruslah menjunjung moral seperti mana yang telah digariskan oleh Allah dan hendaklah menggalakkan kesejahteraan, keadilan sosial dan manusia. Dalam perspektif ini, terdapat beberapa ayat dalam al-Quran yang menunjukkan perkaitan antara tauhid dan hubungan manusia sebagai asas dalam membina organisasi samada organisasi untung atau bukan untung secara umum, seperti berikut:

- (i) Tauhid sebagai tanda keseragaman, persamaan dan perpaduan asal manusia

Firman Allah dalam surah An-nisa,ayat 1:

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu...”

Semua manusia ini sebenarnya diciptakan daripada Tuhan yang sama maka tidak seharusnya wujud perbezaan antara sesama manusia. Jurang pemisah seperti golongan atasan dan gologan bawahan serta golongan kaya dan golongan miskin adalah ciptaan manusia semata-mata. Bukan itu sahaja malah sifat-sifat lain seperti kecantikan dan kebijakan seharusnya dapat di atasi. Ini ditambah pula kesatuan yang wujud atas dasar tauhid ini. Manusia ini yang pada asalnya datang daripada Pencipta yang sama seharusnya menjadikannya sebagai intipati kepada perpaduan dan kesatuan. Malah falsafah tauhid itu sendiri juga berpandangan bahawa kesemua ahli masyarakat memerlukan kepada kerjasama dan berfungsi secara harmoni di antara satu sama lain untuk menempah kejayaan.

- (ii) Tauhid keharmonian manusia dengan dunia di sekelilingnya

“Kepunyaan Allah jugalah apa-apa yang ada di langit dan di bumi, dan pengetahuan Allah Maha meliputi segala sesuatu.”⁷

Manusia tidak hidup di dalam muka bumi ini dalam kelempoknya sahaja tetapi juga hidup dalam kelompok haiwan dan juga alam sekitar. Ditambah dengan penerangan ayat di atas, segalanya yang diperlukan manusia adalah milik Allah. Jelas manusia bergantung kepada sumber-sumber daripada ternakan dan alam sekitar untuk meneruskan kehidupan di dalam muka bumi ini. Segala hidupan di dalam alam sekitar ini adalah anugerah yang amat bernilai sekali kepada kesejahteraan kehidupan manusia dan perlu dipelihara sebaik yang mungkin. Menurut

⁷ Al-Quran: (4:126)

Dusuki (2008) sebagai khalifah yang bertaqwa manusia secara individu atau dalam bentuk syarikat perlu memegang tanggungjawab di muka bumi ini dalam mengolah sumber dan menguruskannya dengan baik. Tambahnya lagi ini kerana segalanya bermula dari Allah dan mereka akan ditanya dan dipertanggung kemudian hari.

(iii) Tauhid Mengatasi Sebarang Penguasaan Manusia ke atas Manusia

Seharusnya kekuasaan dan kedaulatan yang dimiliki oleh Allah tidak akan setara dengan kekuasaan dan kedaulatan yang dimiliki oleh manusia. Manusia boleh bertindak sebagai pemimpin namun ada kriteria-kriteria yang perlu dimilikinya terlebih dahulu sebelum diangkat sebagai pemimpin oleh masyarakat. Ciri-ciri ini diterangkan di dalam surah al-maidah (ayat 55) , ***“Sesungguh pemimpin kalian hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman. Iaitu orang-orang yang memberikan zakat ketika sedang ruku’. Barang siapa yang berwilayah kepada Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman, sesungguhnya hizbulah adalah orang-orang yang jaya”***

Hubungan manusia dengan manusia yang lain atas dasar hak persendirian yang mana setiap warga bertanggung jawab menjaga hak orang lain dan apabila hak ini dicabul maka berlakulah pernindasan dan kezaliman. Oleh itu perlulah adanya peranan daripada pemerintah tidak hanya dalam aspek politik tetapi juga daripada segi sosial dan ekonomi agar masyarakat tidak akan terlibat dalam sebarang kesusahan. Peranan utama pemimpin adalah untuk menyatukan rakyatnya di bawah panji agama serta menegakkan keadilan berteraskan tauhid kerana segalanya bermula dan berakhir kerana Allah.

Di dalam sesebuah organisasi juga akan wujud istilah pemimpin dan kepimpinan. Pemimpin di dalam organisasi haruslah turut serta mengaplikasikannya nilai-nilai Islam di dalam urusan perniagaan seperti tidak menyelewng daripada tujuan sebenar sesuatu amanah yang telah diberi. Ini termasuklah amanah yang diberikan tuhan dan diberikan sesama manusia.

Tanggungjawab Sosial

Konsep tanggungjawab sosial adalah satu tindakan yang membawa kebaikan dan manfaat kepada masyarakat. Konsep tanggungjawab sosial dalam Islam adalah membawa bersama nilai keagamaan. Ini kerana konsep tolong menolong dan bantu membantu memang sangat dianjurkan di dalam Islam dan ada di antaranya dijadikan kewajipan seperti amalan berzakat bagi yang berkemampuan. Bukan sahaja melibatkan organisasi malah orang perseorangan juga boleh melakukan tanggungjawab sosial ini seperti orang kaya atau orang lebih berkemampuan. Tanggungjawab ini seperti memenuhi keperluan dan mengelakkan masyarakat lain daripada sebarang kerosakan samada berbentuk material, spiritual, intellek atau sebagainya.

Sebenarnya amalan tanggungjawab kepada pihak lain ini memang dikongsi dan dinyatakan di dalam al-Quran juga menjadi amalan dan sunnah nabi. Setiap amalan ini ada kaitannya dengan keimanan dan kelak menjadi bekalan yang akan dibawa di hari pembalasan. Ayat yang menerangkan kesan tidak membudayakan tanggungjawab sosial serta dikatakan seperti orang yang tidak mempercayai kewujudan hari pembalasan adalah seperti berikut:

“Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? (1) Itulah orang yang mengherdik / menindas anak yatim (2); Dan tidak menggalakkan memberi makan kepada orang miskin (3)”⁸.

⁸ Al-Quran: (107:1-3)

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa terdapat perkaitan di antara tanggungjawab sosial manusia terhadap anak yatim dan golongan miskin dengan pegangan dan keimanan terhadap hari pertimbangan kelak. Keimanan akan diukur berdasarkan tindakan dan *a'mal soleh* yang dibuat oleh seseorang dan dilakukan dengan ikhlas. Harta yang banyak jika tidak digunakan pada tempatnya akan menjadi sia-sia. Harta tidak akan menjadi tiket untuk ke syurga tetapi harta yang digunakan dengan amal jariah boleh memandu ke arah syurga. Contohnya bagi mereka yang berkeupayaan dan memiliki harta akan membelanjakan wang membantu golongan miskin dan anak yatim. Inilah orang-orang yang rela dan tidak ragu membelanjakan harta untuk orang lain kerana mereka percaya adanya hari pembalasan.

Selain itu, tindakan tidak suka menggalakkan dan mempengaruhi orang lain untuk tidak membuat kebaikan juga akan dipertanggung jawabkan di kemudian hari. Tindakan yang sewajarnya di ambil adalah untuk menasihati dan mendorong kepada perbuatan kebajikan. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai harta untuk disumbangkan cukuplah jika menggalakkan masyarakat yang lebih berkemampuan untuk membantu anak-anak yatim dan orang susah ini. Amalan ingat-mengingati akan dianggap sebagai kebaikan dan dilimpahkan pahala. Mereka yang tidak mengingatkan orang lain berbuat kebaikan seperti dinyatakan seperti ayat di atas dianggap menidakkan hari pembalasan.

Saling Bekerjasama

Kerjasama dalam bahasa arab di sebut *ta'awun*. Islam sememangnya amat menggalakkan kerjasama dan tolong-menolong supaya setiap manusia dapat hidup dalam kehidupan yang lebih selesa dan tidak ada yang berada di dalam kesukaran. Misalnya orang kurang berupaya dan miskin dibantu oleh masyarakat lain sudah pasti ia akan meningkatkan taraf hidup orang miskin tersebut dan mereka dapat hidup dalam kehidupan yang lebih selesa. Maka, kerjasama dilihat sebagai medium penting kepada pembangunan dan perpaduan ummah.

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”⁹

Berkenaan dengan ayat terakhir dalam surah *al-Ma'idah*¹⁰ seperti di atas al-Quran telah memberikan garis panduan yang sangat berguna untuk diaplikasikan dalam kehidupan manusia bagi memastikan kemakmuran dan keberkatan dalam hidup. Allah berfirman bahawa konsep kerjasama dan tolong menolong itu memberikan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat yang lain. Setiap aktiviti atau usaha di atas muka bumi ini pastinya melibatkan usaha secara bekerjasama daripada masyarakat yang lain. Setiap kehendak manusia itu melibatkan ratusan atau ribuan pihak terutama sekali apabila ianya melibatkan sesuatu yang kompleks seperti melibatkan pemprosesan dan perlakuan. Pendek kata setiap aktiviti ekonomi pastinya melibatkan pihak lain kerana paling mudah adalah penjual dan juga pembeli. Malah dari hidup sehingga lahir kepada seseorang manusia itu meninggal perlunya kerjasama orang lain daripada jenazah dimandikan, dikapangkan, ditalqinkan dan juga ditanam di liang lahad.

⁹ Al-Quran: (5:2)

¹⁰ Mantan Mufti Pakistan lihat *Ma'ariful Qur'an*

Walaubagaimanapun, kerjasama ke arah kemungkaran tidak harus terjadi kerana ia akan menyebabkan kemunduran dan keruntuhan dalam masyarakat.

Maslahah dan Kontrak Sosial

Idea kontrak sosial adalah asas dan kesihihan kerajaan dan institusi di mana mereka yang berfikiran rasional akan bersetuju kepada peraturan serta akan komited untuk menghormati peraturan-peraturan tersebut. Idea ini terbit berdasarkan falsafah moral Kant yang terdiri dalam set peraturan yang munasabah, orang yang bebas akan bersetuju jika mereka semua mengetepikan prasangka mereka dan kepentingan khas untuk hidup bersama-sama dengan cara yang harmoni dan saling menghormati. Oleh itu kontrak sosial adalah perjanjian secara sukarela di kalangan individu. Ia mencerminkan tanggungjawab dan kewajipan pihak-pihak yang terlibat di mana ia merangkumi moral dan etika tertentu. Sesebuah perniagaan dan pelanggan juga mempunyai kontrak sosial di mana syarikat haruslah mengamalkan perdagangan yang adil dan beretika dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan. Menurut Rachels (1993) moral terdiri dalam set peraturan, yang mengawal bagaimana manusia berinteraksi di antara satu sama lain serta mereka yang rasional akan bersetuju untuk menerima, untuk faedah bersama, dengan syarat bahawa orang lain mengikut kaedah-kaedah itu juga.

Pada dasarnya konsep kontrak sosial ini adalah mudah iaitu melibatkan perjanjian atau persetujuan semua pihak dan dikuatkuasakan secara kolektif dan ianya sah, adil dan diwajibkan. Kontrak sosial di dasarkan kepada permuafakatan yang mana di bina di atas persetujuan/kerelaan yang jelas dan kadang-kadang dibina di atas persetujuan/kerelaan yang tidak jelas. Motivasi bagi pihak-pihak untuk terlibat dalam kontrak sosial ini terdiri dari salah satu faktor yang berikut iaitu atas kepentingan diri sendiri yang membawa maksud bagaimana individu tersebut boleh mendapat manfaat. Yang kedua berdasarkan konsep imbalan iaitu individu tersebut akan mendapat kelebihan jika mereka bersedia memberikan kelebihan lain kepada masyarakat lain. Yang ketiga adalah rasional atau munasabah berkenaan dengan cara mereka memahami kepentingan mereka sendiri, kepentingan orang lain, dan prinsip-prinsip yang adil atau moral yang sepatutnya dalam mentadbir kepentingan itu. Manakala untuk menghuraikan idea kontrak sosial kita menganalisis pendekatan kontrak kepada lima pembolehubah: (1) sifat kontrak; (2) pihak-pihak terlibat; (3) apa yang pihak-pihak yang bersetuju untuk; (4) hujah yang membawa kepada perjanjian itu; (5) apa yang perjanjian itu sepatutnya menunjukkan.

Maslahah yang berasal dari perkataan bahasa Arab yang membawa faedah atau utiliti. Faedah atau utiliti boleh disebut sebagai manfa'ah selain daripada maslahah. Makna umum kepentingan awam (maslahah) dalam Islam dianggap menggalakkan sesuatu yang bermanfaat dan menangkis sebarang bahaya (*mafsadah*) dalam kehidupan dunia dan akhirat. Mencari manfaat dan mencari sesuatu yang memberikan kepuasan bukan sahaja terhad kepada keseronokan manusia tetapi ia sepatutnya seiring dengan landasan Islam.

Walaubagaimanapun, ada kalanya nilai yang diterima oleh manusia bertepatan dengan nilai yang diterima oleh *shariah*. Sebarang nilai yang tidak bertepatan dengan *shariah* sewajarnya tidak diaplikasikan. Kesejahteraan hidup masyarakat bukanlah dihitung bagi orang perseorangan iaitu secara individu tetapi ianya turut melibatkan pengukuran terhadap perkara yang menghubungkan antara satu orang dengan orang yang lain. Ini kerana masyarakat tidak mempunyai kehendak yang sama dalam kehidupan mereka. Apabila terdapatnya percanggahan ini lah yang mewujudkan kontrak sosial. Kontrak sosial adalah satu perjanjian yang dibuat untuk

mencapai kata sepakat antara dua atau lebih pihak. Ianya lebih kepada menyelesaikan perbezaan yang wujud dalam masyarakat.

Matlamat ekonomi Islam dapat disimpulkan di sini untuk memperoleh kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Fungsi yang di bawa oleh ekonomi Islam ini adalah seperti yang berikut: (i) memberikan kehidupan yang lebih baik untuk semua masyarakat tidak mengira kaum samada bersifat individu atau bersifat negara (ii) memastikan tidak ada aktiviti ekonomi yang membawa kepada ketidakteraman dan bahaya kepada pihak lain (iii) wujudnya konsep balasan atau ganjaran di atas apa sahaja manfaat yang disumbangkan kepada masyarakat atau dihukum jika membuat keburukan kepada masyarakat (v) masyarakat yang kurang upaya dan memerlukan akan diberikan perhatian di dalam sistem ekonomi islam kerana ada kewajipan dan suruhan untuk tolong menolong.

4. Beberapa Dasar Aplikasi

Rangka kerja asas di atas dapat menjelaskan implikasi teori ekonomi Islam NPO sebagai berikut:

4.1. Keuntungan Ekonomi Islam Ialah Ketara dan Tidak Ketara

Dalam rangka kerja Islam, adalah diandaikan bahawa ejen-ejen ekonomi, individu atau organisasi menjalankan aktiviti dan operasi sehari-hari berpandukan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai yang dibawa oleh ekonomi Islam ini menjadikan ekonomi islam ini lebih indah. Inilah yang membawa kepada perbezaan diantara ekonomi Islam dan juga ekonomi konvensional. Salah satu aspek yang perlu disebut di sini adalah dari segi perolehan keuntungan dalam perniagaan. Adakah keuntungan mestilah datang dari sesuatu yang boleh dilihat dengan pandangan mata kasar, dilihat kesannya pada masa itu juga atau pun lebih dari itu?

Konsep keuntungan tidak wajar dihadkan definisinya kepada sesuatu yang dapat dilihat kerana ianya adalah lebih luas daripada itu. Keuntungan terdiri daripada sesuatu yang boleh dan tidak boleh dilihat. Keuntungan tidak harus dihadkan dalam bentuk wang tunai semata-mata kerana keuntungan wujud dalam pelbagai bentuk. Oleh itu, setiap ejen ekonomi harus mengejar kedua-dua keuntungan iaitu bersifat material dan bukan material. Organisasi bukan untung dilihat untuk menjamin kedua-dua bentuk keuntungan. Walau bagaimanapun, masyarakat bersifat lebih cenderung untuk mendapatkan keuntungan berbentuk material kerana sifatnya yang boleh dilihat dan diperoleh di dunia.

Keuntungan jenis kedua ini bersifat lebih kekal dan tahan lebih lama kerananya boleh menjadi penolong manusia di akhirat kelak. Inilah jenis keuntungan yang diberikan oleh Allah bukan sahaja di akhirat tetapi juga di dunia ini tetapi ianya tidak dapat dilihat atau diperolehi secara nyata . Mereka yang beriman akan tahu bahawa apabila Allah memberkati mereka Allah akan memberikan kehidupan yang sihat, keamanan dan kebahagiaan. Semua ini adalah manfaat dan kesan positif yang diberikan di dunia ini (Barom, 2013). Ini bertepatan dengan perintah Allah: An-Nahl ayat 97:

“Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.”

4.2 Persaudaraan (*Ukhuhwah*) Berbanding Memaksimumkan Keuntungan

Kebanyakan pemikiran falsafah [rasionalisme, individualisma, dan kepentingan diri] menjadi asas kepada tingkah laku individu dan institusi di dalam teori ekonomi. Ekonomi kapitalis hanya membincangkan aspek material / fizikal yang wujud dari kehidupan manusia. Definisi ekonomi untuk konsep kejayaan lazimnya ditakrifkan sebagai kejayaan "membuat wang daripada masyarakat." pemerolehan kekayaan, sama ada dalam bentuk wang atau dari segi komoditi adalah matlamat utama kehidupan. Kejayaan dalam membuat wang adalah hasil dari kebaikan dan kecekapan yang dimiliki. Konsep utiliti maksimum juga berkait rapat dengan materialisme ini kerana atas kepercayaan asas bahawa adalah penting untuk mempunyai harta material). Ini juga termasuk kepercayaan tentang peranan pemerolehan terhadap kebahagiaan dan kejayaan.

Sementara itu, dalam Islam, utiliti maksimum adalah bersangkut paut dengan konsep *Al Falah* yang turut dikaitkan dengan nilai-nilai moral. Nilai-nilai moral dalam Islam ini tidak hanya bersifat positif terhadap kehidupan sendiri tetapi juga terhadap kehidupan orang lain. Persaudaraan di kalangan muslim membantu memperkuatkan ekonomi dan membina hidup masyarakat yang lebih bermakna. Setiap muslim mempunyai kewajipan terhadap orang lain seperti memelihara hak-hak di kalangan manusia dan membantu mereka yang memerlukan. Kebajikan manusia lain perlu diambil kira, terutama sekali dalam aspek ekonomi dan sosial iaitu untuk memenuhi keperluan asas untuk hidup. Allah Maha Besar berfirman:

*“Sesungguhnya orang Mukmin adalah bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.”*¹¹

Dari segi memaksimumkan keuntungan, seharusnya ia tidak harus berlaku. Konsep persaudaraan seharusnya menjadi lebih penting berbanding memaksimumkan keuntungan. Persaudaraan ini harus menjadi satu mekanisme untuk melindungi orang lain dan sebagai batu loncatan untuk usaha bersama bagi mengurangkan kemiskinan. Allah berfirman, (QS Al-Hasyr [59]: 9)

*“....mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”*¹²

4.3. Organisasi Atau *Ta'awuniyyah* Adalah Sebahagian Daripada Mekanisma Ekonomi

Dalam bentuk yang mudah, *ta'awuniyyah* dapat dilihat dalam aktiviti jual dan beli. Kedua-dua pihak akan mendapat apa yang mereka mahu. Penjual akan mendapat keuntungan manakala pembeli akan berpuas hati apabila keperluannya dicapai. Walau bagaimanapun, dalam Islam tujuan menjalankan perniagaan adalah lebih daripada tujuan untuk mendapat keuntungan tetapi sebagai sebahagian daripada ibadah kerana perniagaan melibatkan aktiviti memenuhi keperluan manusia. Bukan itu sahaja malah ianya juga memenuhi tuntutan *fardhu kifayah*. Perniagaan ini

¹¹ Al-Quran: (49:10)

¹² Al-Quran: (59:9)

menyediakan perkhidmatan dan barang-barang yang diperlukan oleh masyarakat. Oleh itu, dalam bentuk lain *ta'awuniyyah* adalah konsep pengagihan ekonomi. Ini selaras dengan tanggungjawab manusia sebagai *khalifah* di dunia ini.

Dalam Islam, setiap manusia boleh bekerjasama dalam semua jenis perkara kecuali bekerjasama dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan shariah dan membawa kepada keburukan. Hasan (2008) berkata bahawa tolong-menolong dalam perkerjaan yang baik akan menyuburkan kebijikan serta akan menambahkan pahala. Membantu dalam perkara-perkara yang tidak baik hanya akan mewujudkan pemusuhan dan kehancuran. Allah menjanjikan untuk memberi ganjaran mengikut usaha dan berdasarkan niat untuk membantu mereka yang menghadapi kesusahan.

“Sesiapa yang memberikan syafa`at yang baik, nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya dan sesiapa yang memberikan syafa`at yang buruk, nescaya ia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu..”¹³

Konsep kerjasama dalam Islam haruslah terdiri daripada belas kasihan, bertimbang rasa dan toleransi. Dalam apa-apa kerjasama ia tidak akan membawa hasil apabila tidak mempunyai persefahaman dan toleransi antara semua ahli dan akan mengakibatkan pergaduhan. Tanpa kasih sayang, semangat untuk membantu orang lain tidak akan berada pada tahap maksimum dan sudah tentunya kerjasama ini tidak akan sampai matlamatnya. Sebagai contoh, apabila semua konsep ini dipatuhi oleh pengeluar maka pengeluar akan mengelakkan kualiti pengeluaran dan tidak akan memberikan produk pada kualiti yang rendah kepada orang lain.

Berhubung dengan konsep tersebut, salah satu konsep lain yang penting kepada *ta'awun* adalah *musyawarah* (perbincangan). *Musyawarah* adalah salah satu daripada asas-asas Islam dalam masyarakat dan politik. Apabila masyarakat mengaplikasikan *musyawarah*, apa-apa yang tidak menentu, salah faham dan perbezaan pendapat boleh diselesaikan. Jika masalah ini tidak dapat diselesaikan ia mungkin memberi kesan kepada aktiviti bersama yang telah dirancang dan menjadikannya sia-sia.

“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya;”¹⁴

Adalah jelas bahawa, jika *ta'awun* tidak digabungkan bersama-sama dengan *musyawarah* maka sesebuah organisasi itu akan ditimpa masalah besar. *Musyawarah* menyuntik kepada perpaduan dimana ahli-ahli akan sedaya upaya mencuba untuk mendapatkan tindakan terbaik dengan cara membenarkan perkongsian idea yang sesuai dengan organisasi mereka. Pendapat ini disokong oleh Hasan (2008) yang mengatakan perpaduan dapat dicapai melalui keputusan secara berpaktat kerana dapat mengelakkan perbalahan. Pendek kata, *ta'awun* akan berjaya diamalkan jika setiap ahli saling memahami dan sanggup bertolak ansur pendapat mereka melalui *musyawarah*. Oleh itu, organisasi bukan untung Islam perlu mengamalkan dan menjadikan kedua-dua konsep sebagai satu prinsip untuk menjadikannya bermakna dan berguna.

¹³ Al-Quran: (4:85)

¹⁴ Al-Quran:(26:38)

5. Kesimpulan

Organisasi bukan untung wajar mendapat tempat yang khusus di dalam ekonomi sesebuah negara kerana peranan yang di bawanya. Asas kewujudan organisasi ini akan membolehkan hampir kesemua kehendak dan keinginan yang tidak ditawarkan oleh pihak kerajaan dan pihak organisasi bermotifkan keuntungan dapat dipenuhi. Malah apa yang lebih penting cara pengoperasian organisasi bukan untung ini yang dijalankan tanpa memikirkan keuntungan sebagai motif utama juga memberi manfaat kepada masyarakat. Sesuatu produk ditawarkan pada kualiti yang memuaskan serta pada harga yang berpatutan.

Oleh yang demikian insentif haruslah diberi kepada organisasi bukan untung ini oleh kerajaan kerana sifatnya yang membantu meringankan peranan kerajaan dalam memenuhi dan memberikan barang dan perkhidmatan kepada masyarakat. Organisasi bukan untung dari perspektif Islam pula dikaitkan dengan konsep akhirat dan tauhid. Peranan manusia dengan Sang Pencipta dan peranan manusia sesama manusia serta makhluk yang lain dengan tujuan untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Rujukan

- Anheier, H. K., & Kendall, J. (2000). Trust and voluntary organisations: three theoretical approaches. *Civil Society Working Paper, unpublished paper*.
- Barom,M. N. (2013). Conceptualizing a strategic framework of social responsibility in Islamic economics. *International Journal Of Economics, Management And Accounting*, 21(1) ,65-95.
- Ben-Ner A. (1986). Non-profit organizations: why do they exist in market economies?, in S. Rose-Ackerman, ed., *The economics of non-profit institutions: studies in structure and policy*, Oxford,Oxford University Press, 94–113.
- Bogart, W. T. (1995). Accountability and nonprofit organizations: an economic perspective. *Nonprofit Management & Leadership*, 6(2), 157-170.
- Coase, R. (2000). *The new institutional economics*, in Menard, C. (Ed.), *Institutions, contracts and organizations. perspectives from new institutional economics*, Edward Elgar Publishing, Cheltenham, pp. 3-6.
- Corbin, J.J.(1999). A study on factors in influencing the growth of nonprofits in social services. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 28(3), 296-314.
- Demsetz, H. (1964). The exchange and enforcement of property rights. *Journal of Law and Economics*, Vol. 7.
- Dusuki, A. W. (2008). What does islam say about corporate social responsibility?*Review of Islamic Economics*, 12(1), 5-28.
- Eisenhardt, K.M. (1989). Agency theory: an assessment and review. *The Academy of Management Review*, 14(1), 57-74.
- Fama, E. F. & Jensen, M. C.(1983). Agency problems and residual claims. *Journal of Law and Economics*, 26, 327-349.

- Geraldi, J. G. (2007). *New Institutional Economics*, Universitat Siegen
- Hansmann, H. B. (1980). The role of nonprofit enterprise. *The Yale Law Journal*, .89(5), 835-901.
- Hansmann, H. (1987). *Economic theories of nonprofit organisation*, in W. W. Powell (ed.), *The Nonprofit Handbook*. New Haven: Yale University Press.
- Hasan, S. K. (2008). *Kerjasama ekonomi umat islam potensi dan cabaran dewan bahasa dan pustaka*, Kuala Lumpur
- James, E., & Rose-Ackerman, S. (1986). *The Nonprofit enterprise in market economies*, chur: Harwood.
- Jensen, M.C., & Meckling, W.H. (1976). Theory of the firm: Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics*, 3(4), 305-360.
- Krashinsky, M. (1986). Transaction costs and a theory of the nonprofit organization, in: The economics of nonprofit institutions: Studies in structure and policy, ed. by Susan Rose-Ackerman, Oxford, pp. 114-132
- Morris, S. (2000). Defining the nonprofit sector: Some lessons from history. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 11(1), 25-43.
- North, D. C. (2003). The role of institutions in economic development. Discussion Paper Series No 20033..2. Geneva, Switzerland: *United Nations Economic Commission For Europe*.
- Picot, A., Freudenberg, H., & Gaßner, W. (1999). *Management von reorganisationen:Maßschneidern als konzept für den wandel*. Gabler, Wiesbaden.
- Powell, W.W., & Steinberg, R. (2006). The nonprofit sector research handbook, 2nd edition Yale, University Press, New Haven.
- Prakash, A., & Gugerty, M. K. (2010). Trust but verify? Voluntary regulation programs in the nonprofit sector. *Regulation & Governance*, 4, 22–47.
- Rachels, J. (1993). *The elements of moral philosophy*. Edited by Regan. T. second ed, The Heritage Series in Philosophy. North Carolina
- Salamon, L. M. (2002). *The state of nonprofit America*, Washington, DC: Brookings Institute Press, in collaboration with the Aspen Institute, pp. 9-11.
- Salamon, L.M., & Anheier , H.K. (1997). *Defining the nonprofit sector: A cross-national analysis*, Manchester: Manchester University Press.
- Simon, H.A., (1957). Models of man, New York, Wiley & Sons.
- Stavins, R. N. (1995). Transaction costs and tradable permits. *Journal of Environmental Economics and Management*. 29,133-148.

Steinberg, R.(1990). Profits and incentive compensation in nonprofit firms. *Nonprofit Management and Leadership*, 1(2),137–151.

Valentinov,V. (2007). Some reflections on the transaction cost theory of nonprofit organization. *Zeitschrift für öffentliche und gemeinwirtschaftliche Unternehmen*, 30(1), 52-67.

Weisbrod, B. A. (1975). *Towards a theory of the nonprofit sector* in E. Phelps (ed.) *Altruism, Morality and Economic Theory*, New York: Russel Sage

Weisbrod, B. A. (1977).*The voluntary nonprofit sector*. Lexington, MA: D. C. Heath & Co.

Weisbrod, B. A. (1988).*The nonprofit economy*. Cambridge, MA: Harvard University Press.